


Telephone : Brunei Student Unit
020 – 7402 0045
Brunei Hall
020 – 7402 0953
Website : www.upp.org.uk
E-mail : enquiries@upp.org.uk



اونيت فنونتوت-فنونتوت بروني
سوروهنجاي تيغكي نكارا بروني دارالسلام
BRUNEI STUDENTS UNIT
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM
35 – 43 NORFOLK SQUARE
LONDON W2 1RX
UNITED KINGDOM

SURAT PERMAKLUMAN UNIT PENUNTUT-PENUNTUT

BIL: 4./2022

PERMAKLUMAN BAGI PELAJAR-PELAJAR BIASISWA KERAJAAN YANG BERKELAYAKAN MENERIMA TAMBANG KERAJAAN (BIENNIAL LEAVE / ELECTIVES) SELEPAS TAMAT DUA TAHUN PENGAJIAN DAN MENYAMBUNG PENGAJIAN BAGI SESI 2022/2023

Keadaan dunia yang dilanda pandemik Covid-19 dapat dirasai sehingga pandemik tersebut menjejaskan kelangsungan penerbangan Royal Brunei, dibawah ini disenaraikan jadual penerbangan Royal Brunei sepanjang bulan Mac hingga Jun 2022 :

NO	PERJALANAN (ROUTE)	NO PENERBANGAN (FLIGHT NO.)	JAM (TIME)		HARI (DAY)	TARIKH (DATE)
			KEBERANGKATAN (DEPARTURE)	KETIBAAN (ARRIVAL)		
1	BWH-LHR	BI003	08:15	14:55	Thursday	24-Mar-22
2	LHR-BWN	BI004	18:55	15:25 (+1 day)	Friday	25-Mar-22
3	BWH-LHR	BI003	08:15	15:45	Saturday	09-Apr-22
4	LHR-BWN	BI004	12:45	9:45	Sunday	10-Apr-22
5	BWH-LHR	BI003	8:10	15:45	Saturday	30-Apr-22
6	LHR-BWN	BI004	12:25	9:45	Sunday	01-May-22
7	BWH-LHR	BI003	08:10	15:45	Tuesday	07-Jun-22
8	LHR-BWN	BI004	11:55	8:55	Wednesday	08-Jun-22
9	BWH-LHR	BI003	08:15	15:45	Tuesday	14-Jun-22
10	LHR-BWN	BI004	11:55	8:55	Wednesday	15-Jun-22
11	BWH-LHR	BI003	08:10	15:45	Tuesday	21-Jun-22
12	LHR-BWN	BI004	11:55	8:55	Wednesday	22-Jun-22

Nota : Jadual Penerbangan Ini Tertakluk Kepada Perubahan daripada pihak RB

PERHATIAN : Untuk tarikh penerbangan RB bagi bulan-bulan seterusnya, pelajar bolehlah mencadangkan mana-mana tarikh yang bersesuaian, pihak UPP akan memaklumkan kepada pelajar jika ada perubahan atau pengemaskinian terbaru daripada pihak RB.

A. SILA AMBIL PERHATIAN TERHADAP PERKARA-PERKARA BERIKUT:

1. Pelajar-pelajar yang berkelayakan untuk menerima tambang Kerajaan Selepas Tamat Dua Tahun Pengajian / Cuti Biennial (*BiennialLeave*) atau dwi tahunan bagi sesi 2021/2022, bolehlah menghadapkan Borang Tempahan Penerbangan bagi *BiennialLeave - Flight Reservation Application Form (FRAF)* yang boleh didapati dari laman web upp.org.uk. Semua borang-borang tersebut hendaklah dihadapkan kepada Unit Penuntut-Penuntut (UPP) atau emel ke flightbooking@upp.org.uk pada atau sebelum 31 Mac 2022.
2. Pada dasarnya pelajar-pelajar hanya dibenarkan pulang selepas mereka menerima keputusan peperiksaan bagi pengajian sesi 2021/2022. Tujuannya adalah bagi membantu pelajar yang gagal atau yang dikehendaki untuk menduduki peperiksaan ulangan (*resit*) membuat persediaan dan menduduki peperiksaan mereka semasa berada di United Kingdom bagi mengelakkan masalah-masalah yang mungkin berbangkit.
3. Walau bagaimanapun, jika para pelajar berhasrat untuk pulang sebelum keputusan peperiksaan / pengajian mereka diterima, para pelajar boleh menghadapkan permohonan bagi mendapat kebenaran dan pengeluaran tiket penerbangan mereka kepada Pengarah Pengajian. Sehubungan dengan itu, UPP telah menyediakan **Borang Biennial Leave Form - (BLF)** yang boleh dimuat turun dari laman web upp.org.uk untuk para pelajar lengkapkan dan tanda tangani. Hadapkan atau email borang tersebut bersama-sama dengan borang-borang tempahan penerbangan (FRAF) tersebut ke UPP pada atau sebelum tarikh tutup penerimaan borang tempahan.
4. Para pelajar yang berhak menerima tambang kelayakan bagi cuti *biennial* adalah **tidak dibenarkan untuk menanggungkan** penggunaan tambang kelayakan sehingga melimpasi tahun kewangan (**Mac 2023**). Oleh sebab yang demikian, semua pelajar adalah diingatkan untuk menggunakan tambang kelayakan di dalam tempoh masa yang sepatutnya.
5. Sekiranya perlu **mengawalkan atau menanggungkan tambang kelayakan** itu atas sebab-sebab yang munasabah dan kukuh, maka pelajar hendaklah menulis surat permohonan dengan segera kepada Pengarah Pengajian, Unit Penuntut-Penuntut untuk mendapatkan kebenaran, dengan menyatakan alasan yang kukuh bagi permohonan penanggungkan tambang tersebut. Penggunaan peruntukan tambang *Biennial Leave* secara kebelakangan atau membuat tuntutan secara kebelakangan bagi pembayaran pembelian tiket *Biennial Leave* (jika tiket dibeli oleh pelajar sendiri) **adalah tidak dapat dipertimbangkan**.
6. Para pelajar yang sedang bercuti biennial **HENDAKLAH memuatnaik (upload) DENGAN SEGERA** sebaik saja menerima keputusan peperiksaan pengajian melalui UPP Online Portal masing-masing atau melalui email ke academic@upp.org.uk. Kegagalan dalam memuat naik (*upload*) keputusan yang lengkap dan sah, akan menjejaskan pembayaran elaun bagi sesi berikutnya nanti.

7. Dalam hal berkaitan, setiap pelajar yang sedang mengambil cuti Biennial, adalah juga sangat disarankan untuk melibatkan diri dengan aktiviti bermanfaat seperti **menyertai aktiviti-aktiviti intelektual dan riadah anjuran Brunei Students Union** atau Kementerian Pendidikan yang diadakan di tanah air.
8. Pelajar adalah juga digalakkan untuk memohon bagi menjalani latihan penempatan (**work attachments**) dikementerian-kementerian atau sektor-sektor swasta mengikut kesesuaian kursus masing-masing. Pelajar dikehendaki untuk menghubungi Pegawai Penyelaras Akademik Unit Penuntut-Penuntut bagi urusan permohonan dan penempatan.

B. PERINGATAN KEPADA SEMUA PELAJAR

1. E-tiket hanya akan dikeluarkan sekurang-kurang **dua minggu sebelum tarikh penerbangan**. Pelajar bolehlah datang sendiri mengambilnya di UPP atau mencetaknya sendiri secara *online*. Tempahan tiket penerbangan tidak akan diproses jika borang-borang berikut tidak lengkap diisikan dan dihadapkan kepada pihak UPP sebelum **31 Mac 2022** dan salinan pasport dan visa terkini tidak dimuat naik kedalam *student portal* iaitu:
 - a. **Checklist** permohonan bagi tempahan tiket penerbangan *Biennial Leave*;
 - b. **Checklist** permohonan bagi tempahan tiket penerbangan Elektif (bagi pelajar perubatan sahaja);
 - c. **Flight Reservation Application Form (FRAF)**;
 - d. **Borang Pelajar Tahun Dua** pulang awal sebelum keputusan peperiksaan dikeluarkan (BLF).
2. Para pelajar yang akan menggunakan lapangan terbang yang dibenarkan oleh pihak RBA seperti **Dublin / Belfast / Edinburgh /Glasgow/ Aberdeen/ Manchester / Leeds** hendaklah menyatakan dengan jelas di dalam borang tempahan penerbangan yang disediakan. Perjalanan yang menggunakan pengangkutan darat seperti teksi, bas atau kereta api tidak perlu dimasukkan dalam borang tempahan tiket, FRAF.
3. Pihak UPP akan menghadapkan semua borang-borang tempahan penerbangan kepada pihak syarikat penerbangan dan semua proses tempahan tiket akan dibuat oleh pihak syarikat penerbangan **setelah disahkan dan dibenarkan oleh UPP**.

Dalam hal ini, para pelajar dinasihatkan untuk membuat perancangan yang teratur:

- a. Bagi mengelakkan sebarang perubahan pada tarikh penerbangan yang berkemungkinan pelajar akan dikenakan pembayaran tambahan;

- b. Berkemungkinan tidak ada kekosongan untuk tempahan bagi tarikh penerbangan baru.
4. Merujuk Surat Permakluman UPP Bil. 15/2019, semua pelajar di bawah Biasiswa Kerajaan hendaklah membuat tempahan penerbangan melalui UPP. Permohonan tuntutan pembayaran balik bagi tiket yang dibeli secara persendirian **tidak akan dipertimbangkan**.
 5. Para pelajar berhak untuk menuntut tambang perjalanan pergi dan balik dari tempat pengajian ke Lapangan Terbang Heathrow kecuali mereka yang menggunakan kemudahan di Para B, nombor 2 di atas. Tuntutan bolehlah dihadapkan kepada UPP dengan menggunakan **BORANG TUNTUTAN A (LAMPIRAN A) dan SENARAI SEMAK B.T.A. (LAMPIRAN B)** serta menyertakan resit asal perjalanan / penyata bank. Pihak UPP hanya akan membayar tuntutan tersebut mengikut kadar di dalam garis panduan yang telah dibenarkan oleh Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan dan hendaklah dihadapkan kepada pihak UPP **sebelum 31 Januari 2023**.
 6. Kadar maksima bagi berat bagasi yang dibenarkan oleh pihak RBA bagi penerbangan yang bertolak dari Lapangan Terbang Heathrow ke Negara Brunei Darussalam adalah **40 kg bagi kelas Q dan 45 kg bagi kelas yang lain (tertakluk kepada peraturan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei)**.

Sekiranya bagasi pelajar melebihi kadar maksimum, kosnya akan ditanggung sendiri oleh pelajar tersebut. Bayaran tambahan yang dikenakan pada masa ini bagi penerbangan RB adalah kira-kira **£45 bagi setiap satu (1) kg**. Pelajar bolehlah membeli bagasi secara **online**. Harga pembelian bagasi secara **advanced** akan ditutup **24 hours before departure** di laman web Royal Brunei adalah seperti berikut:

BIL	BERAT	HARGA
1.	1 Kg	£32.50
2.	5 Kg	£81.70
3.	10 Kg	£146.80
4.	20 Kg	£292.80
5.	35 Kg	£512.60

Manakala kadar berat bagasi bagi pelajar yang bertolak dari lapangan terbang domestic menggunakan British Airways (BA) seperti **Dublin / Belfast / Edinburgh / Glasgow / Aberdeen / Manchester / Leeds** adalah **30kg sahaja sepanjang perjalanan pergi / balik ke/ dari Negara Brunei Darussalam**.

Manakala bagi pelajar yang menggunakan penerbangan domestik **British Airways (BA)**, kos bayaran tambahan bagasi yang melebihi kadar maksimum juga ditanggung sendiri oleh pelajar berkenaan seperti mana surat makluman dari pada Bahagian Basiswa Kementerian Pendidikan, bil: KPE/UB/S/2/4(2015)/J1(03) bertarikh 28 Rabiulakhir 1436 bersamaan 18 Februari 2015.

Bayaran tambahan yang dikenakan oleh pihak British Airways tertakluk kepada tempat lapangan terbang berkenaan yang mana kadarnya bolehlah didapati dengan melayari laman web: <https://www.britishairways.com/en-gb/information/baggage-essentials/extra-overweight-baggage>

Pelajar juga hendaklah memastikan bahawa berat bagi setiap beg adalah **tidak melebihi kadar maksima 30 kg**. Setiap pelajar adalah juga dibenarkan untuk membawa satu '**hand luggage**' pada kadar **maksima 7 kg** dan satu computer riba (**laptop**).

7. Para pelajar yang dikehendaki **menduduki peperiksaan semula (resit) atau mengulang semula pengajian, hendaklah menghadapkan permohonan dengan segera kepada Pengarah Pengajian Unit Pelajar-Pelajar**. Sila isikan 'Borang Permohonan bagi Menduduki Peperiksaan Ulangan (Resit)' yang boleh didapati di laman web upp.org.uk dan sertakan bersama surat kebenaran menduduki peperiksaan semula (resit) atau mengulang dari pada pihak universiti. Jika pelajar berhasrat menduduki peperiksaan semula di Negara Brunei Darussalam, maka **pelajar perlu mendapatkan kebenaran dari pada pihak universiti**. Pelajar hendaklah **menanggung sendiri perbelanjaan pentadbiran** untuk menduduki peperiksaan resit tersebut. Pelajar hanya boleh menuntut semula yuran peperiksaan (*examination fees*), manakala pembayaran sewa tempat peperiksaan dan kos penghantaran kertas soalan adalah menjadi tanggung jawab pelajar itu sendiri.
8. Mulai tahun 2015, pelajar yang berhasrat untuk menukar tarikh balik ke UK/Ireland setelah bercuti di Negara Brunei Darussalam atas alasan seperti ingin menduduki peperiksaan ulangan, urusan penyambungan paspot atau visa yang belum selesai, ingin meluangkan lebih masa dengan keluarga, atau alasan-alasan lain, adalah **DIMESTIKAN** mengisikan borang "**Request form –change of Date of Flight Returning Back to UK (CDF)**" yang boleh didapati dalam laman web upp.org.uk Semua pembayaran berpunca dari pada **pertukaran tarikh balik ke UK adalah ditanggung oleh pelajar sendiri, dan e-tiket yang baru hanya akan dikeluarkan setelah pembayaran yang berkaitan (jika berkenaan sahaja iaitu jika tidak sama booking class)**. Permohonan untuk menukar tiket hanya dapat dibuat setelah mendapat kebenaran dari pada pihak UPP.

ca

9. Setiap pelajar biasiswa Kerajaan yang balik ke Negara Brunei Darussalam sama ada dengan tambang Kerajaan atau tambang sendiri adalah **DIMESTIKAN untuk melapor diri ke Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan, Tingkat 5, Blok C, Bangunan Kementerian Pendidikan, Jalan Airport Lama, Berakas BB 3510**, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat dari seminggu setelah selesai menghabiskan tempoh pengasingan diri di tanahair.

Dalam kesempatan ini, pihak UPP mendoakan agar semua pelajar akan sentiasa berada dalam keadaan sihat walafiat dan sentiasa bersemangat dalam usaha untuk mencapai keputusan peperiksaan yang terbaik.

Sekian untuk makluman bersama mengenainya.

"Berjimat Menggunakan Air Tanggunjantab Bersama"

Wassalam.



MOHAMMAD DANNY BIN AIMI
Pengarah Pengajian
Unit Penuntut-Penuntut, London

Rujukan : BSU/E/5
Tarikh : 08 Mac 2022M

Pmk WG/Welfare